

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974  
(AKTA 133)**

**UNDANG-UNDANG KECIL  
KERJA TANAH  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988**

**P.U.(A) 396/88**

**SENARAI PINDAAN :**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1	P.U.(A) 34/98		
2	P.U.(A) 269/16		
3			
4			
5			
6			
7			
8			

P.U. (A) 396.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH (WILAYAH  
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 1988

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama.
2. Pemakaian.
3. Takrif.

BAHAGIAN II

MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN

4. Pelan-pelan kerjatanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.
5. Kewajipan-kewajipan jurutera.
6. Pelan-pelan hendaklah dalam dua salinan.
7. Pelan-pelan dan butir-butir hendaklah dikemukakan.
8. Pelan-pelan boleh dikemukakan secara berasingan.
9. Kerja cerucuk.
10. Jurutera hendaklah mengawas paras bunyi dan menge-mukakan laporan mingguan mengenai pengawasan itu.
11. Tatasusila amalan yang berkaitan hendaklah dipatuhi.

BAHAGIAN III

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN  
KERJATANAH ASASTAPAK

12. Kehendak mengenai cerucuk sasak keping keluli.
13. Tanah hendaklah disiasat dan aras mataair hendaklah ditentukan.

BAHAGIAN IV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN  
KERJATANAH AM

14. Permohonan berasingan untuk kerja pecah batu.
15. Pokok-pokok tidak boleh ditebang sehingga tapak sedia untuk diusahakan.
16. Kerjatanah melebihi tiga meter.
17. Memperingkatkan kerjatanah.
18. Syarat-syarat boleh dikenakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

## BAHAGIAN V

## PELBAGAI

Undang-  
undang  
kecil

19. Pelan-pelan, penentuan-penentuan dan butir-butir lanjut jika dikehendaki.
20. Pengangkutan.
21. Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan.
22. Fee untuk memeriksa tapak.
23. Pemeriksaan pelan-pelan.
24. Kesalahan-kesalahan.
25. Pengecualian.
26. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

## AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) 1988

*Akta 133.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen (17) akta 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat undang-undang kecil berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

*Nama.* 1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988.**

*Pemakaian.* 2. Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipakai hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

*Takrif.* 3. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan konteknya menghendaki makna yang lain—

“Akta itu” erti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974;

*Akta 190.* “Datuk Bandar” erti Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960;

*Akta 138.* “jurutera” erti seorang Jurutera Profesional yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan menjalankan amalan dengan kelulusan bertulis daripada Lembaga Jurutera;

*Akta 333.* “kenderaan” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987;

“kerjatanah” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen-seksyen (18) akta 70A Akta itu;

“kerjatanah asastapak” termasuklah pembinaan asastapak, tingkat bawah tanah, binagalas, tambatan bumi, cerucuk, batusendi dan peparit; dan

“kerjatanah kecil” erti kerjatanah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

## BAHAGIAN II

## MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN

*Pelan-pelan kerjatanah hendaklah dikemukakan dan diperakui.*

4. (1) Pelan-pelan berhubung dengan kerjatanah yang dikehendaki dikemukakan di bawah seksyen 70A Akta itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan borang permohonan dalam Borang A Jadual Ketiga dan menyertai fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi butir-butir yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pelan-pelan itu hendaklah dikemukakan setelah ditanda-tangani oleh seorang jurutera yang mempunyai kelulusan dalam kejuruteraan awam dan hendaklah—

- (a) mengandungi suatu perakuan yang dibuat olehnya menyatakan bahawa penentuan-penentuan dan butir-butir yang terkandung di dalamnya itu adalah betul; dan
- (b) ditandatangantimbal oleh pemunya tanah yang berkenaan atau ejennya yang diberikuasa olehnya secara bertulis dan hendaklah menggunakan alamat penuh pemunya itu atau ejen itu mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang diluluskan oleh Datuk Bandar boleh dikemukakan semula untuk dipinda atau diubah tetapi dalam hal yang demikian kehendak-kehendak di bawah perenggan (2) hendaklah dipakai *mutatis mutandis*.

(4) Melainkan jika kerjatanah dimulakan dalam tempoh dua belas bulan selepas diluluskan semua pelan dan penentuan berkenaan dengannya yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7, tiap-tiap kelulusan bagi pelan dan penentuan itu hendaklah luput apabila tamat tempoh tersebut, tetapi Datuk Bandar, atas permohonan yang dibuat kepadanya sebelum tamat tempoh tersebut, boleh melanjutkan tempoh itu seperti yang difikirkan patut olehnya tertakluk kepada pembayaran fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

5. (1) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah bertanggungjawab atas pelaksanaan yang sempurna akan kerjatanah itu dan hendaklah terus bertanggungjawab sedemikian sehingga selesai kerjatanah itu melainkan jika— Kewajipan-kewajipan jurutera.

- (a) dengan persetujuan Datuk Bandar, seorang jurutera lain dilantik untuk mengambilalih; atau
- (b) Datuk Bandar bersetuju jurutera itu menarik diri.

(2) Jika Datuk Bandar bersetuju menerima penarikan diri seseorang jurutera di bawah perenggan (1) (b) kerjatanah itu tidak boleh dimulakan atau diteruskan sehingga seorang lain dilantik untuk mengambilalih.

(3) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan hendaklah menjalankan penyeliaan-penyeliaan dan membuat apa-apa pemeriksaan yang perlu untuk memastikan kerjatanah itu dijalankan mengikut pelan-pelan, penentuan-penentuan, arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan pada amnya mengikut peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(4) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan hendaklah sebelum memulakan kerjatanah itu memberitahu Datuk Bandar dalam Borang B Jadual Ketiga di atas keinginan memulakan kerjatanah itu.

(5) Jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu hendaklah, dalam masa satu minggu selepas selesai kerjatanah itu, memberitahu Datuk Bandar secara bertulis bahawa kerjatanah itu telah selesai.

(6) Perenggan (1) undang-undang kecil ini tidak boleh difafsirkan sebagai melepaskan tanggungjawab seseorang daripada peruntukan-peruntukan seksyen 71 Akta itu.

(7) Bagi maksud undang-undang kecil ini ungkapan “jurutera yang mengemukakan pelan-pelan” hendaklah termasuk jurutera yang mengemukakan semula pelan-pelan dan mana-mana jurutera yang dilantik untuk mengambilalih.

Pelan-pelan  
hendaklah  
dalam dua  
salinan.

6. (1) Semua pelan hendaklah dikemukakan dalam dua salinan.

(2) Semua pelan hendaklah dibuat dalam warna hitam dengan perbezaan-perbezaan bahan ditunjukkan dengan warna.

Pelan-pelan  
dan butir-  
butir  
hendaklah  
dikemukakan.

7. Melainkan jika dikecualikan oleh Datuk Bandar, pelan-pelan, penentuan-penentuan dan butir-butir yang berikut hendaklah dikemukakan:

(1) suatu pelan tapak yang dibuat mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 : 1000 menunjukkan dengan warna jelas tapak kerjatanah, jalan masuk, alurutama, alurair semulajadi, parit dan tanah-tanah yang bersambungan atau sebahagiannya, menunjukkan skala yang digunakan dan tanda arah Utara;

(2) pelan-pelan pada kontur satu meter menunjukkan tanah di mana kerjatanah itu akan dijalankan dan juga tanah yang bersambungan dengannya mengikut skala tidak kurang daripada 1 : 500;

(3) pelan-pelan mengikut skala tidak kurang daripada 1 : 500 menunjukkan—

(a) aras siap pembetukan termasuklah—

(i) aras platform untuk bangunan atau bangunan-bangunan;

(ii) aras siap jalan;

(iii) aras perut parit dan lintasan;

(iv) tempat alirkeluar saliran;

(b) tutupan atau lencungan bagi mana-mana alurutama dan alurair semulajadi atau pembaikan-pembaikan padanya;

- (c) apa-apa penggorokan, pemotongan atau penimbusan yang lebih daripada dua meter dalam atau tingginya;
- (d) perlindungan bagi kerjatanah itu daripada hakisan, termasuk perlindungan semasa kerjatanah itu berterusan;
- (e) peruntukan penahan enap, termasuk peruntukan semasa kerjatanah itu berterusan;
- (4) gambarajah-gambarajah mukakeratan lintang dan bujur tidak kurang daripada 1 : 100 bagi skala tegak dan tidak kurang daripada 1 : 500 bagi skala datar menunjukkan tanah yang dipunggah bagi kerjatanah itu yang akan dijalankan di tapak itu;
- (5) cara penggorokan, perataan, penimbusan, cerucuk pelindung atau apa-apa proses teknikbumi yang lain;
- (6) jadual bagi kerjatanah dan susunan dalam mana kerjatanah itu akan diperingkat-peringkatkan;
- (7) banyaknya tanah yang hendak dikorok atau ditimbul dan tempat di mana tanah yang dikorok itu hendak diletak atau tanah yang hendak digunakan untuk penimbusan itu hendak didapatkan dan disertai dengan kelulusan yang diberi oleh pihakberkuasa yang berkenaan bagi memindahkan tanah itu;
- (8) langkah berjaga-jaga yang diambil bagi melindungi tanah, bangunan, jalan dan lain-lain harta yang bersambungan;
- (9) pelan-pelan jelas mengikut skala tidak kurang daripada 1 : 50 dan penentuan-penentuan bagi cerucuk sasak keping atau lain struktur penahan atau penstabilan cerun yang dikehendaki oleh Undang-Undang Kecil ini; dan
- (10) jika berkaitan, kiraan-kiraannya dan segala aras bumi dan kontur yang tersebut dalam undang-undang kecil ini hendaklah dibuat dengan merujuk kepada paras datum ordinan.

8. Pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 7 boleh, dengan kebenaran Datuk Bandar, dikemukakan secara berasingan tetapi dalam sesuatu hal yang demikian itu perakuan yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah juga menyertai tiap-tiap satu set pelan-pelan dan penentuan-penentuan yang kemudiannya:

Pelan-pelan  
boleh di-  
kemukakan  
secara  
berasingan.

Dengan syarat bahawa tidak ada apa-apa kerjatanah boleh dimulakan sehingga semua pelan dan penentuan yang dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini telah diluluskan.

Kerja  
cerucuk.

9. Jika kerja cerucuk dicadangkan, pelan-pelan dikemukakan di bawah undang-undang kecil 7 hendaklah juga mengandungi—

- (a) pelan-pelan mengikut skala yang tidak kurang daripada 1 : 50 dan penentuan bahan untuk cerucuk itu dan cara untuk menjalankan kerja cerucuk itu; dan
- (b) suatu perakuan dibuat oleh jurutera memperakui bahawa paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk itu tidak akan membangkitkan kemarahan dan kacauanggu kepada penduduk-penduduk di kawasan sekeliling itu.

Jurutera  
hendaklah  
mengawas  
paras  
bunyi dan  
mengemukakan  
laporan  
mingguan  
mengenai  
pengawasan  
itu.

10. Jika diarah oleh Datuk Bandar, jurutera hendaklah mengawas paras bunyi akibat daripada kerja-kerja cerucuk dan laporan mingguan mengenai pengawasannya hendaklah diperakui olehnya dan dikemukakan kepada Datuk Bandar.

Tatasusila  
amalan  
yang  
berkaitan  
hendaklah  
dipatuhi.

11. (1) Di mana jua berkenaan, pelan-pelan, penentuan-penentuan dan kiraan-kiraan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah menepati tatasusila-tatasusila amalan yang berikut seperti yang dipinda dari masa ke semasa—

- (a) Penyiasatan tapak—British Standards Code of Practice 2001;
- (b) Kerjatanah—British Standards Code of Practice 2003;
- (c) Asastapak—British Standards Code of Practice 2004;
- (d) Civil Engineering Code of Practice No. 2 on Earth Retaining Structures, yang dikeluarkan oleh Institute of Structural Engineers, U.K.;
- (e) Asastapak dan binagalas bagi bangunan-bangunan bukan perindustrian yang terdiri daripada tidak lebih daripada empat tingkat—British Standards Code of Practice 101.

(2) Jika ada dikeluarkan suatu Tatasusila Piawaian Amalan Malaysia yang bersamaan selepas mula berkuatkuasanya Undang-Undang Kecil ini maka ianya hendaklah menggantikan British Standards Code of Practice mengenai hal perkara yang sama dan hendaklah dipatuhi.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH ASASTAPAK

Kehendak  
mengenai  
cerucuk  
sasak  
keping  
keluli.

12. (1) Sisi-sisi bagi segala kerjatanah asastapak hendaklah dilindungi dengan cerucuk sasak keping keluli atau dengan lain-lain cara perlindungan jika Datuk Bandar berpuashati dari penentuan-penentuan, rekabentuk-rekabentuk dan kiraan-kiraan yang dikemukakan kepadanya bahawa cara perlindungan

alternatif itu adalah sama berkesannya atau lebih baik dan akan memberi perlindungan yang mencukupi bagi harta-harta yang bersambungan.

(2) Kehendak-kehendak di bawah perenggan (1) boleh dikecualikan jika Datuk Bandar berpuashati bahawa perlindungan itu adalah tidak perlu.

13. Penyiasatan tanah hendaklah dijalankan dan aras mataair dalam mana-mana kerjatanah asastapak hendaklah ditentukan; dan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan di bawah undang-undang kecil 4 hendaklah mengemukakan laporan-laporan penyiasatan tanah dan hendaklah memperakui bahawa apa-apa perendahan aras mataair tidak akan menyebabkan kerosakan matan kepada mana-mana struktur, jalan atau mana-mana harta lain di kelilingnya.

Tanah  
hendaklah  
disiasat  
dan aras  
mataair  
hendaklah  
ditentukan.

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERHUBUNG DENGAN KERJATANAH AM

14. Jika kerja pecah batu hendak dijalankan di atas tapak kerjatanah, suatu permohonan berasingan secara bertulis hendaklah dibuat oleh jurutera kepada Datuk Bandar untuk mendapatkan kelulusan.

Permohonan  
berasingan  
untuk kerja  
pecah batu.

15. Jika ada pokok-pokok di atas tapak kerjatanah, pokok-pokok itu tidak boleh ditebang atau diterangkan sehingga tapak kerjatanah itu telah sedia untuk diusahakan.

Pokok-pokok  
tidak boleh  
ditebang  
sehingga  
tapak sedia  
untuk  
diusahakan.

16. (1) Segala kerjatanah yang lebih daripada tiga meter tingginya atau dalamnya hendaklah dilindungi dengan suatu struktur penahan atau penstabilan cerun melainkan jika dikecualikan oleh Datuk Bandar.

Kerjatanah  
melebihi  
tiga meter.

(2) Mengenai kerjatanah di mana struktur penahan atau penstabilan cerun kekal adalah dikecualikan oleh Datuk Bandar maka hendaklah diadakan struktur-struktur penahan atau penstabilan cerun sementara dalam masa berterusnya kerjatanah itu melainkan jika dikecualikan oleh Datuk Bandar.

17. Kerjatanah yang hendak dijalankan hendaklah di peringkat-peringkat mengikut susunan yang dikemukakan di bawah undang-undang kecil 7 (6) dan tiada apa-apa kerjatanah boleh dimulakan atau diteruskan ke peringkat yang berikutnya melainkan jurutera yang mengemukakan pelan-pelan itu memperakui secara bertulis bahawa kerjatanah itu tidak mungkin menyebabkan kacauganggu atau kerosakan kepada harta-harta di sekelilingnya.

Mempering-  
katkan  
kerjatanah.

Syarat-syarat boleh dikemakan pada bila-bila masa sebelum kerja boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya.

18. Datuk Bandar boleh, pada bila-bila masa sebelum sesuatu kerjatanah boleh diteruskan ke peringkat yang berikutnya, menghendaki—
- disalir dan dilencungkan alurutama dan alurair semulajadi termasuk mengadakan permatang dan pembetung dengan cukup;
  - bahawa penahan-penahan enap diadakan dengan cukup serta disenggara dengan sepatutnya;
  - bahawa struktur penahan diadakan di mana perlu;
  - bahawa cerun-cerun diadakan dengan cukup bagi mengelakkan hakisan;
  - bahawa asastapak jalan dibina dan permukaan jalan itu disendal bagi mengelakkan enap daripada dihanyutkan ke dalam alurair yang sedia ada;
  - bahawa timbusan-timbusan dipadatkan.

Pelan-pelan, penentuan-penentuan dan butir-butir lanjut jika dikehendaki.

19. Datuk Bandar boleh, jika ia fikirkan perlu menghendaki pelan-pelan, penentuan dan butir-butir lanjut dikemukakan atau memberi arahan-arahan lanjut atau membuat pindaan-pindaan lanjut kepada pelan-pelan itu atau mengenakan syarat-syarat lanjut yang ia fikirkan patut dan arahan-arahan, pindaan-pindaan atau syarat-syarat itu hendaklah dipatuhi.

Pengangkutan.

20. Semua bahan-bahan yang hendak diangkut kepada dan/atau dari tapak kerjatanah diletakkan di suatu tempat dan mengikut arahan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Datuk Bandar.

Kenderaan untuk kegunaan mengangkut bahan-bahan.

21. Tiap-tiap orang yang menggunakan apa-apa kenderaan untuk, kegunaan mengangkut bahan-bahan kepada dan/atau dari tapak kerjatanah hendaklah mendapatkan permit daripada Datuk Bandar dan hendaklah—

Kenderaan hendaklah dalam keadaan yang baik.

- (i) memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan-bahan boleh jatuh;

Ketinggian muatan.

- (ii) memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi-sisi kenderaan itu;

Pungutan hendaklah ditutup.

- (iii) menutup bahan-bahan dengan kain tarpal, plastik, kanvas atau lain-lain jenis kain yang sesuai;

(iv) memastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan dibenarkan masuk ke mana-mana jalan atau tempat awam; dan

Roda-roda  
dan tayar-  
tayar  
hendaklah  
dibersihkan.

(v) menggunakan jalan-jalan yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan mematuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

Jalan-jalan  
yang boleh  
digunakan  
dan syarat-  
syarat lain.

22. Orang yang mengemukakan pelan-pelan untuk pertimbangan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah membayar fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama bagi tiap-tiap lawatan yang dibuat oleh Datuk Bandar atau wakilnya ke tapak itu untuk membuat pemeriksaan.

Fee untuk  
memeriksa  
tapak.

23. (1) Sesuatu pelan yang telah diluluskan boleh diperiksa di Pejabat Datuk Bandar dengan membayar fee seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pemeriksaan  
pelan-pelan.

(2) Dengan kelulusan orang yang mengemukakan pelan-pelan dan dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, pelan-pelan boleh disalin dan pelan-pelan itu boleh diperakui sebagai salinan yang benar dengan membayar fee yang ditetapkan dalam Jadual itu.

24. Sesiapa jua yang—

Kesalahan-  
kesalahan.

(a) dengan diketahuinya atau dengan cuai mengemukakan pelan-pelan, penentuan-penentuan, kiraan-kiraan atau butir-butir yang palsu dalam apa-apa butir matan atau memberi perakuan yang dikehendaki di bawah Jadual Kedua secara palsu;

(b) tanpa sebab yang munasabah tidak mematuhi apa-apa arahan, pindaan atau syarat yang diberi atau dikenakan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

(c) tanpa sebab yang munasabah tidak memberi notis yang dikehendaki di bawah undang-undang kecil 5 (4) dan 5 (5); atau

(d) melanggar apa-apa peruntukan Undang-Undang Kecil ini,

adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit dan, bagi sesuatu kesalahan yang berterusan, tidak lebih daripada satu ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.

25. Undang-Undang Kecil ini tidak terpakai bagi—

Pengecualian.

(a) kerjatanah yang dijalankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan lombong;

(b) kerjatanah yang dijalankan bagi maksud-maksud pertanian;

(c) kerjatanah kecil seperti yang ditentukan dalam Jadual Kedua.

Pemansuhan.  
L.N. 258/64.  
P.U. (A)  
82/75.

26. Undang-Undang Kecil (Pengangkutan Bahan-Bahan Pengorekan) Perbandaran Kuala Lumpur 1964 dan Undang-Undang Kecil bandaraya Kuala Lumpur (Kerjatanah) 1975 adalah dimansuhkan.

#### JADUAL PERTAMA

##### BAYARAN

- |   |   |
|---|---|
| 1. Kerjatanah Asastapak hingga beberapa dalam di bawah aras yang sedia ada yang tinggi sekali | \$0.13 bagi tiap-tiap satu meter padu tanah yang terlibat, dengan suatu bayaran minima \$50.00. |
| 2. Kerjatanah am  | \$50.00 tiap-tiap $\frac{1}{2}$ hektar atau sebahagian daripadanya                              |
| 3. Melanjutkan tempoh sah   | 20% fee asal.   |
| 4. Lawatan ke tapak yang dibuat oleh Datuk Bandar atau wakilnya                               | \$30.00 tiap-tiap lawatan.  |
| 5. Pemeriksaan pelan yang telah diluluskan  | \$6.00.   |
| 6. Menyalin satu set pelan-pelan dengan kelulusan orang yang mengemukakannya                  | \$24.00.  |
| 7. Memperakui salinan yang benar satu set pelan-pelan   | \$10.00.  |

#### JADUAL KEDUA, (Undang-undang kecil 3)

##### KERJATANAH KECIL

- Mengorek untuk landskap tanpa struktur sedalam tidak melebihi tiga meter.
- Mengorek untuk menanam atau membantun pokok-pokok atau tiang-tiang sedalam tidak melebihi tiga meter.
- Mengorek untuk pembinaan lurang dan memasang paip sedalam tidak melebihi tiga meter.
- Mengorek untuk lubang asas tapak tidak melebihi tiga meter kali tiga meter untuk bangunan kediaman yang sekurang-kurangnya tiga meter jauh dari sempadan dan tidak melebihi tiga meter ke dalam.
- Mengorek untuk asastapak yang tidak melebihi tiga meter ke dalam jika pengorekan itu bukan untuk maksud pembinaan tingkat bawah tanah dan di situ tidak ada bangunan di harta bersebelahan.

6. Mengorek dalam tapak tidak melebihi tiga meter ke dalam dan melebihi tiga meter jauh dari sempadan dan untuk pengorekan itu cerucuk tidak dikehendaki.
7. Untuk butiran-butiran 4, 5 dan 6, pengecualian akan diberi hanya jika jurutera mengemukakan suatu perakuan dalam Borang C Jadual Ketiga.

**JADUAL KETIGA**

**BORANG-BORANG**

*AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974*

UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) 1988

**Borang A**

MENGEMUKAKAN PELAN-PELAN UNTUK KERJATANAH  
(Undang-undang kecil 4 (1))

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya/Kami dengan ini memohon untuk kerja yang dicadangkan berikut:

.....  
.....  
.....  
.....  
bagi pihak (Nama pemunya/pemaju) .....

.....  
.....  
Lukisan No.....  
kiralan-kiraan dan penentuan-penentuan adalah dikemukakan bersama-sama ini dalam dua salinan.

Saya dengan ini bertanggungjawab sepenuhnya untuk rekabentuk-rekabentuk, penentuan-penentuan dan perjalanan kerja tersebut.

Tandatangan: .....

Nama: .....

Profesjon: .....

Alamat: .....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera:

.....

Tarikh: .....

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya/Kami, pemunya/pemaju projek yang tersebut di atas dengan ini mengesahkan bahawa jurutera

Nama .....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-jurutera

Alamat .....  
telah dilantik untuk mengemukakan pelan-pelan bagi pihak saya/kami.

Saya/Kami dengan ini berjanji berikut:

1. Nama dan alamat jurutera yang bertanggungjawab untuk menyelia kerja akan dikemukakan kepada tuan sebelum permulaan kerja tersebut.
2. Saya/Kami akan mematuhi dengan sepenuhnya kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988.
3. Pegawai-pegawai Datuk Bandar berhak untuk memasuki pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa kerja, setor bahan-bahan dan tapak di mana kerja itu dijalankan.
4. Saya/Kami akan bersesama dan berasingan bertanggungjawab dengan jurutera bagi apa-apa kerosakan harta-harta dan lain-lain yang akibat daripada pembinaan kerja tersebut.

Tandatangan: .....

Nama: .....

Alamat: .....

Tarikh: .....

**AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR) 1988**

**Borang B**

**NOTIS MEMULAKAN KERJATANAH  
(Undang-undang kecil 5 (4))**

19.....

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya memberi notis bahawa selepas tamat tempoh empat hari dari tarikh notis ini diterima saya bercadang untuk memulakan kerjatanah iaitu:

.....  
atas Lot/Lot-lot .....

.....  
Seksyen/Mukim .....

.....  
Jalan .....

bagi.....  
.....

menurut pelan yang diluluskan No: .....

Bertarikh: .....

.....  
*Jurutera yang mengemukakan*

Nama: .....

Profession: .....

Alamat: .....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-jurutera: .....

*AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974*  
 UNDANG-UNDANG KECIL KERJATANAH (WILAYAH PERSEKUTUAN  
 KUALA LUMPUR) 1988

**Borang C**  
**PERAKUAN KERJATANAH KECIL**  
 (Butiran 4, 5 atau 6 Jadual Kedua)

Datuk Bandar Kuala Lumpur,

Saya memperakui bahawa kerja penggalian yang akan dijalankan atas lot/lot-lot.....

Seksyen/Mukim .....

Jalan .....

bagi .....

.....  
 ialah kerjatanah yang bersifat kecil menurut Jadual Kedua Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988.

2. Saya difahamkan bahawa pengecualian dari kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Kerjatanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 tidak akan melepaskan saya dari tanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk kerosakan yang disebabkan oleh kerjatanah tersebut.

3. Saya bersetuju juga menggantirugi dan terus menggantirugi Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk apa-apa tuntutan, kerosakan, kerugian, tindakan atau prosiding yang boleh diambil terhadapnya yang disebabkan oleh dan akibat daripada kerjatanah tersebut.

Bertarikh: .....

.....  
*Jurutera*

Nama: .....

Profesjon: .....

Alamat: .....

No. Pendaftaran Lembaga Jurutera-Jurutera:

.....  
 Diperbuat pada 30hb September 1988.  
 [PHEU2. 29/77 Bhg. II; PN. (PU) 252/111.]

*DATO' ELYAS BIN OMAR,  
 Datuk Bandar Kuala Lumpur*

**STREET, DRAINAGE AND BUILDING  
ACT 1974**

**EARTHWORKS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
BY-LAWS 1988**

**ARRANGEMENT OF BY-LAWS**

**PART I**

**PRELIMINARY**

By-law

1. Citation.
2. Application.
3. Definition.

**PART II**

**SUBMISSION OF PLANS**

4. Plans of earthworks to be submitted and certified.
5. Duties of engineer.
6. Plans to be in duplicate.
7. Plans and particulars to be submitted.
8. Plans may be submitted separately.
9. Piling works.
10. Engineer shall monitor noise level and certify and submit weekly reports of such monitoring.
11. Relevant codes of practice to be complied with.

**PART III**

**SPECIAL PROVISIONS RELATING TO FOUNDATION  
EARTHWORKS**

12. Requirement of close steel sheet piling.
13. Soil to be investigated and water table to be determined.

**PART IV**

**PROVISIONS RELATING TO GENERAL  
EARTHWORKS**

14. Separate application for rock blasting works.
15. Trees not to be cut until site is to be worked.
16. Earthworks exceeding three metres.

By-law

17. Phasing of earthworks.
18. Conditions may be imposed at any time before work can continue to the next phase.

PART V

MISCELLANEOUS

19. Further plans, specifications etc. if required.
20. Transportation.
21. Vehicles for the purpose of transporting materials.
22. Site inspection fee.
23. Inspection of plans.
24. Offences.
25. Exemptions.
26. Repeal.

FIRST SCHEDULE.

SECOND SCHEDULE.

THIRD SCHEDULE.

STREET, DRAINAGE AND BUILDING ACT 1974

EARTHWORKS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR)  
By-LAWS 1988

IN exercise of the powers conferred by subsection (17) of section 70A of the Street, Drainage and Building Act 1974, the *Act 133.* Commissioner of the City of Kuala Lumpur makes the following by-laws:

PART I

PRELIMINARY

1. These By-laws may be cited as the **Earthworks (Federal Territory of Kuala Lumpur) By-Laws 1988.** *Citation.*
2. These By-laws shall apply only to the Federal Territory of *Kuala Lumpur.* *Application.*
3. In these By-laws, unless the context otherwise requires—  
“the Act” means the Street, Drainage and Building Act 1974;  
“Commissioner” means the Commissioner of the City of Kuala Lumpur appointed under section 4 of the Federal Capital Act *Act 190.* 1960;  
“earthworks” shall have the same meaning assigned to it under subsection (18) of section 70A of the Act;  
“engineer” means a registered Professional Engineer registered under the Registration of Engineers Act 1967 and practising with *Act 138.* the written approval of the Board of Engineers;  
“foundation earthworks” includes the construction of foundation, basement, substructure, ground anchors, piling, under-pinning and trenching;  
“minor earthworks” means any earthworks as specified in the Second Schedule; and  
“vehicle” shall have the meaning assigned to it under the Road Transport Act 1987. *Act 333.*

PART II

SUBMISSION OF PLANS

4. (1) Plans relating to earthworks required to be submitted under section 70A of the Act shall be submitted together with an application form in Form A in the Third Schedule and shall be accompanied with the fees as set out in the First Schedule and shall contain the particulars required under these By-laws. *Plans of earthworks to be submitted and certified.*

(2) Such plans shall be submitted duly signed by an engineer qualified in civil engineering and shall—

- (a) contain a certification by him that the specifications and particulars stated therein are correct; and
- (b) be countersigned by the owner of the land concerned or his agent authorised in writing and shall bear the full address of the owner or the agent as the case may be.

(3) The plans and specifications approved by the Commissioner may be resubmitted for amendment, variation or alteration but in such a case the requirements under paragraph (2) shall apply *mutatis mutandis*.

(4) Unless earthworks are commenced within twelve months after approval of all the plans and specifications relating thereto required under by-law 7, every approval of such plans and specifications shall lapse on expiry of the said period, but the Commissioner, on application being made to him before the expiry of the said period, may extend the period as the Commissioner thinks fit subject to payment of the fee specified in the First Schedule.

Duties of  
engineer.

